

Resort Camar Laut: Pusat Latihan LKIM semakin dikenali

Sinar
24/2/13



SEPANG - Resort Camar Laut yang juga dikenali sebagai Pusat Latihan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) adalah sebuah pusat latihan dan juga resort percutian yang diuruskan oleh LKIM.

Bermula sebagai tapak penetasan udang harimau, ianya dibangunkan menjadi sebuah pusat latihan dan resort percutian sejajar dengan hasrat kerajaan memajukan industri agro-pelancongan.

Terletak di Bagan Lalang, Sepang sebuah perkampungan nelayan yang berdekatan dengan KLIA dan Lembah Klang telah menjadi tumpuan penyewaan untuk latihan dan percutian serta aktiviti laut sejak beroperasi pada 1991.

Sinonim dengan kawasanya yang berdekatan laut yang juga dihuni pelbagai hidupan dan unggas, tidak hairanlah sekiranya tempat ini lebih dikenali sebagai Camar Laut.

Lokasinya di pesisir pantai menjadi tarikan pelancongan dan tarikan utama pengunjung.

Secara tidak langsung, peranan pengurusan

Pusat Latihan LKIM dalam industri hospitaliti dalam memastikan setiap pelanggan disambut dengan baik, semua keinginan atau keperluan pelanggan dipenuhi dan pengoperasiannya dalam membekalkan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Berkonsepkan ala resort, Pusat Latihan LKIM kini semakin berkembang dan sambutan amat menggalakkan disebabkan dua faktor utama iaitu perkhidmatan penginapan yang ekonomik yang berkonsepkan alam semula jadi dan perkhidmatan kemudahan kursus, seminar, majlis dan rekreasi yang komprehensif.

Antara kemudahan disediakan ialah 18 unit chalet serta bangunan penginapan bertingkat meliputi 12 unit bilik jenis standard dan 2 unit bilik suite, dewan kuliah, dewan serbaguna, dewan makan, surau dan padang rekreasi.

Fasa pembangunan Pusat Latihan LKIM yang telah bermula sejak tahun 1990 dengan wujudnya penyediaan 18 unit chalet dan kantin, pejabat dan surau.

Pada tahun 2001, tambahan blok akademik untuk kemudahan kursus dan dewan serbaguna. Pada tahun 2005, pembinaan bangunan penginapan bertingkat 14 unit dimulakan.

Fasa pembangunan baru yang melibatkan peningkatan kemudahan dan infrastruktur iaitu bangunan bertingkat yang dilengkapi dewan kuliah, dewan makan dan ruang istirehat, kolam renang, taman permainan kanak-kanak dan lain-lain akan bermula pada 2013 dan dijangka siap pada awal tahun 2014.

Kini, kemudahan di Pusat Latihan LKIM hampir melengkap keperluan dalam perkhidmatan penyediaan kemudahan kursus dan komersial bersesuaian dengan keperluan semasa.

Pengurusan LKIM sendiri menggalakkan agar kursus dan latihan kakitangan agensi itu diadakan di Resort Camar Laut. Begitu juga dengan agensi lain dan juga swasta yang menjadikan resort ini sebagai pusat latihan.

Kadar bayaran penginapan dan sewaan penggunaan kemudahan yang dikenakan di

jauh lebih rendah berbanding pusat peranginan yang lain.

Maklumbalas daripada penginap dan pengguna perkhidmatan di Pusat Latihan LKIM juga positif kerana mereka berpuas hati dengan perkhidmatan penyediaan makanan yang berkonsepkan aasakan ala-kampung.

Peningkatan jumlah penginap dan penyewaan kursus pada tahun 2012 memberi impak yang baik untuk kemajuan Pusat Latihan LKIM sekaligus membuktikan faktor permintaan yang tinggi dari segi kapasiti serta kelengkapan penyediaan kemudahan, lokasi dan harga memainkan peranan dalam pembangunan pusat latihan ni.

Pada tahun 2012 sahaja sebanyak 56 kursus telah dianjurkan di Pusat Latihan LKIM.

Selain itu sebanyak 6 program, 9 seminar dan bengkel, 16 mesyuarat, 17 majlis makan dan 8 majlis perkahwinan telah dilangsungkan melibatkan penyewaan dewan serta penyediaan makanan.

Untuk keterangan sila hubungi:

Pusat Latihan LKIM, Camar Laut,
Bagan Lalang, 43850 Sungai Pelek,
Sepang, Selangor
Tel: 03-31411912
Faks: 03-31411924
<http://www.camarlaut.com.my>

Berikut adalah bilangan penginap di Pusat Latihan dari tahun 2010-2012:

Bil.	Bilangan Penginap	2010	2011	2012
1.	Kursus/ Seminar	3,367 orang	1,874 orang	2,298 orang
2.	Rekreasi	6,858 orang	9,497 orang	13,053 orang
	Jumlah	10,225 orang	11,371 orang	15,351 orang

Senarai harga

PENGINAPAN		DEWAN		KAPASITI
JENIS	HARGA	JENIS	HARGA	
	HARI BIASA	HARI MINGGU/ CUTI PELEPASAN AM/ CUTI PERSEKOLAHAN		
Chalet Berkembar	RM150/hari	RM170/hari	Dewan Kuliah 1 (Bilik Mesyuarat)	30 orang
Chalet Single	RM60/hari	RM180/hari	Dewan Kuliah 2	60-80 orang
Bilik Standard	RM150/hari	RM170/hari	Dewan Kuliah 3	60-80 orang
Bilik Suite	RM280/hari	RM300/hari		

